

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK  
[BALIK PULAU]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional dan tujuan pergabungan syarikat pemaju hartanah Eco World dan UEM anak syarikat Khazanah dimana kita maklum bahawa Eco World mempunyai tanggungan hutang yang tinggi yang akan menjadi liabiliti kepada Khazanah. Adakah ini satu “*bail-out*” yang jelas untuk menyelamatkan kroni.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan untuk menggabungkan UEM Sunrise Berhad (UEM Sunrise) dan EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld) telah diutarakan oleh UEM Group Berhad (UEM Group), sebuah syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, untuk pertimbangan lembaga pengarah kedua-dua buah syarikat hartanah tersebut.

Cadangan tersebut telah dikemukakan berdasarkan kepada manfaat komersil yang mampu diraih hasil daripada penggabungan tersebut. Cadangan penggabungan tersebut tidak melibatkan tunai tetapi transaksi pertukaran saham dan waran yang mampu mengukuhkan lagi kedudukan UEM Sunrise.

Cadangan penggabungan ini masih di peringkat awal perbincangan dan tertakluk kepada pelaksanaan kajian terperinci (*due diligence*) serta persetujuan semua pemegang saham UEM Sunrise dan EcoWorld, sekiranya kedua-dua syarikat ini bersetuju untuk memulakan perbincangan penggabungan selanjutnya.

Sebarang keputusan yang berkaitan dengan cadangan penggabungan ini adalah bersifat komersil dan menjadi tanggungjawab syarikat-syarikat yang terlibat untuk memastikan penggabungan ini menghasilkan sinergi yang terbaik dengan mengambil kira kepentingan pemegang saham syarikat masing-masing.

Sekian, terima kasih.